

# Universiti Malaysia Terengganu bantu tingkat kualiti hidup nelayan

54/06.02.34/MS 19

**MALAYSIA** mempunyai laut dan pantai yang panjang memiliki akses langsung kepada aktiviti penangkapan hasil laut. Kekayaan biodiversiti marin menyumbang kepada kepelbagaian spesies sumber perikanan dan secara tidak langsung memberi pulangan kepada nelayan.

Namun, isu nelayan yang juga termasuk dalam kategori B40 sering dibincang di pelbagai peringkat. Ia agak kontra dengan kekayaan hasil laut dimiliki negara berbanding pengelasan kumpulan yang ditetapkan kepada golongan itu.

Perkembangan teknologi dilihat berupaya untuk membantu golongan nelayan yang juga sebagai pemegang taruh utama dalam rantaian bekalan sumber protein utama negara. Inovasi peralatan penangkapan hasil laut berpotensi memberi impak besar dalam meningkatkan hasil tangkapan nelayan khususnya nelayan tradisional pesisir pantai.

Usaha Universiti Malaysia Terengganu (UMT) membantu komuniti nelayan merupakan penyelidikan yang telah dijalankan selari dengan fokus penubuhan institusi pengajian tinggi itu.

UMT asalnya ditubuhkan sebagai pusat perikanan lewat 70-an dahulu. Pelbagai penemuan baharu yang dilakukan oleh penyelidik UMT telah dipindahkan kepada komuniti nelayan khususnya komuniti nelayan di daerah Besut dan Setiu.

Menyahut saranan Kementerian



**Pelbagai penemuan baharu penyelidik UMT dipindahkan kepada komuniti nelayan.**

Pendidikan Tinggi yang mahukan penyelidikan yang dilakukan harus diterjemahkan kepada masyarakat, pihak UMT bukan sahaja mengadakan program pemindahan ilmu kepada kumpulan sasaran, malah penyelidik perlu memantau dan bersama-sama mereka (nelayan) bagi memastikan setiap inovasi yang dihasilkan memberi impak kepada komuniti terlibat.

Rutin nelayan serta lautan merupakan sebahagian daripada makmal kajian yang dijalankan penyelidik UMT bagi melihat secara dekat serta menjalankan aktiviti pensampelan mengikut analisa data yang tepat.

- *Profesor Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar  
Naib Canselor Universiti Malaysia  
Terengganu (UMT)*